MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

1 NEGARAKU

#CaknaSiber

LANGKAH MUDAH
KESEDARAN KESELAMATAN SIBER

NACSA
NATIONAL CYBER SECURITY AGENCY

RAKAN STRATEGIK

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

UNIT PENGURUSAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA

MCMC

CyberSecurity MALAYSIA
An agency under MOSTI

10 LANGKAH MUDAH
KESEDARAN KESELAMATAN SIBER

1. GUNAKAN **KATA LALUAN**

2. **KEMASKINI** PERISIAN KESELAMATAN

3. **SIMPAN** DAN **LINDUNGI** MAKLUMAT

4. **ELAK** TERPEDAYA

5. **BERETIKA** MENGGUNAKAN INTERNET DAN MEDIA SOSIAL

6. **WASPADA** JENAYAH SIBER

7. **FIKIR** SEBELUM KLIK

8. **LAPORKAN**

9. **AMBIL TAHU**

10. **PATUHI**

OKTOBER 2017
10
BULAN KESEDARAN KESELAMATAN SIBER



GUNAKAN **KATA LALUAN**

1. GUNAKAN **KATA LALUAN**

- ☑ Gunakan kata laluan yang kreatif (gabungan huruf, nombor dan simbol).
- ☑ Elakkan daripada mendedahkan kata laluan kepada orang lain.
- ☑ Sentiasa tukar kata laluan secara berkala dan elakkan daripada menggunakan kata laluan yang sama (berulang).
- ☑ Sulitkan (encrypt) penghantaran dokumen rasmi Kerajaan dengan kata laluan.
- ☑ Elakkan menghantar kata laluan bersama-sama dengan dokumen rasmi Kerajaan.



APA TINDAKAN SAYA?

OKTOBER 2017
10
BULAN KESEDARAN KESELAMATAN SIBER

KEMASKINI PERISIAN KESELAMATAN



2. **KEMASKINI** PERISIAN KESELAMATAN

- ☑ Lengkapkan komputer dan gajet dengan perisian keselamatan (seperti anti-virus dan anti-spyware) terkini.
- ☑ Elakkan daripada menggunakan perisian keselamatan yang telah tamat tempoh.
- ☑ Gunakan perisian tulen.

APA TINDAKAN SAYA?

OKTOBER 2017
10
BULAN KESEDARAN KESELAMATAN SIBER

SIMPAN DAN **LINDUNGI** MAKLUMAT

- ☑ Elakkan daripada memuat naik dokumen rasmi Kerajaan dalam *public cloud*.
- ☑ Sentiasa imbas peranti storan sebelum menggunakannya.
- ☑ Sentiasa sediakan salinan pendua (back up) maklumat digital secara berkala.
- ☑ Elakkan daripada meninggalkan komputer dan gajet tanpa sebarang pengawasan.
- ☑ Putuskan sambungan Internet atau *wi-fi* sekiranya tidak menggunakannya lagi.
- ☑ Pastikan meja kerja dikemas dan semua maklumat rasmi (termasuk yang berada di dalam peranti storan) disimpan di tempat yang selamat dan berkunci.



APA TINDAKAN SAYA?

OKTOBER 2017
10
BULAN KESEDARAN KESELAMATAN SIBER

ELAK TERPEDAYA

- Elakkan daripada terus mempercayai kandungan laman web, blog dan e-mel yang diragui atau daripada orang yang tidak dikenali.
- Semak dan rujuk kepada sumber-sumber yang sahih.

APA TINDAKAN SAYA?

OKTOBER 2017
10
BULAN KESEDARAN KESELAMATAN SIBER



BERETIKA MENGGUNAKAN INTERNET DAN MEDIA SOSIAL

- ☑ Pastikan alamat e-mel dan kata laluan rasmi tidak digunakan dalam akaun peribadi media sosial.
- ☑ Keluar (log out) daripada akaun media sosial apabila tidak digunakan lagi.
- ☑ Elakkan daripada berkongsi maklumat peribadi dan maklumat berkaitan tugas rasmi di Internet dan media sosial.
- ☑ Elakkan daripada memuat turun aplikasi yang tidak diketahui tahap keselamatannya.
- ☑ Elakkan daripada menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi semasa waktu pejabat.
- ☑ Berhati-hati menggunakan media sosial untuk tujuan peribadi supaya tidak mendedahkan sebarang maklumat rasmi.
- ☑ Elakkan daripada membuat sebarang komen mengenai isu-isu yang melibatkan agensi/organisasi atau yang berbentuk serangan peribadi.
- ☑ Pastikan perkongsian dan penggunaan maklumat yang berkaitan dengan hak cipta dan harta intelek telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak yang berkenaan.
- ☑ Elakkan daripada menggunakan wi-fi umum yang tidak diketahui tahap keselamatannya untuk melaksanakan kerja-kerja rasmi.
- ☑ Kenalpasti rakan media sosial anda.



APA TINDAKAN SAYA?

OKTOBER 2017
10
BULAN KESEDARAN KESELAMATAN SIBER

WASPADA JENAYAH SIBER

- Jangan benarkan individu lain menggunakan identiti dan kata laluan akaun e-mel dan media sosial anda.
- Elakkan daripada melayari laman web dan blog yang berunsurkan lucah, fitnah, hasutan, skim cepat kaya dan ideologi keganasan.
- Elakkan daripada menyebar kandungan yang berunsur lucah, fitnah, hasutan, skim cepat kaya dan ideologi keganasan.
- Jangan mudah terpedaya dengan tawaran atau maklumat daripada individu yang tidak dikenali yang menghubungi anda melalui e-mel atau media sosial.

APA TINDAKAN SAYA?

OKTOBER 2017
10
BULAN KESEDARAN KESELAMATAN SIBER

FIKIR SEBELUM KLIK

- ☑ Jangan klik pada e-mel, pautan atau lampiran yang mencurigakan (termasuk dari orang yang tidak dikenali). Padamkan e-mel tersebut.

OKTOBER 2017
10
BULAN KESEDARAN KESELAMATAN SIBER

LAPORKAN



- Laporkan sebarang insiden kebocoran maklumat kepada pihak berkaitan.
- Laporkan dengan segera kehilangan sebarang aset ICT kerajaan (seperti peranti storan, komputer riba, komputer).
- Laporkan e-mel atau pautan yang mencurigakan atau dari orang yang tidak dikenali kepada Bahagian Teknologi Maklumat.
- Laporkan kepada pihak berkuasa sekiranya berlaku sebarang insiden jenayah siber seperti penipuan Internet.

APA TINDAKAN SAYA?

OKTOBER 2017
10
BULAN KESEDARAN KESELAMATAN SIBER



AMBIL TAHU

- Peka dengan trend ancaman siber terkini.
- Peka, fahami dan waspada mengenai kesan-kesan negatif akibat penyalahgunaan Internet.



APA TINDAKAN SAYA?

OKTOBER 2017
10
BULAN KESEDARAN KESELAMATAN SIBER

PATUHI



- Ketahui dan patuhi polisi, arahan, peraturan, garis panduan dan pekeliling berkaitan keselamatan siber yang dikeluarkan oleh agensi/organisasi anda dan Kerajaan.

APA TINDAKAN SAYA?

10. PATUHI

OKTOBER 2017
BULAN KESEDARAN KESELAMATAN SIBER

Nota

Nota

Nota

OKTOBER 2017

BULAN KESEDARAN KESELAMATAN SIBER